

06/12/2000

MMC perlu buat penilaian teliti

SHAH ALAM, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kelulusan dan kebolehan doktor Malaysia yang bekerja di luar negara tetapi ingin kembali bertugas di tanah air, diteliti sebaik mungkin.

Perdana Menteri berkata, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) perlu meluluskan permohonan mereka mendapatkan Sijil Amalan Tahunan bagi membolehkan doktor berkenaan bertugas di negara ini.

Katanya, langkah itu penting kerana Malaysia memerlukan lebih ramai doktor, manakala doktor sedia ada sekarang tidak mahu berkhidmat dengan kerajaan kerana ganjaran lebih di sektor swasta.

"Sebab itu kita perlu doktor asing yang menganggap gaji dibayar oleh kerajaan di sini adalah tinggi. Doktor kita yang duduk di luar negeri... mereka juga mendapat pendapatan lumayan. Mereka ingin balik ke sini dan terus bekerja dalam swasta.

"Saya fikir MMC perlu teliti kelulusan dan kebolehan mereka. Saya fikir MMC tidak dapat tidak akan meluluskan (sijil) mereka untuk bertugas di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan The Royal Mint of Malaysia, syarikat penempaan duit syiling pertama negara, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas laporan Berita Harian semalam mengenai aduan sesetengah rakyat Malaysia yang pernah bertugas sebagai doktor di luar negara terpaksa menghadapi pelbagai masalah birokrasi apabila ingin bertugas di negara ini.

Laporan berkenaan memetik seorang doktor terpaksa menunggu sehingga dua tahun sebelum Sijil Amalan Tahunan yang wajib dimiliki seseorang doktor untuk bertugas di negara ini, dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Ditanya sama ada prosedur perlu dilonggar supaya tidak menghalang doktor Malaysia yang ingin kembali bertugas di negara sendiri, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada MMC.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang turut mengulas laporan itu semalam mengaku berlaku kelewatan dalam memproses sesetengah permohonan doktor untuk mendapatkan sijil berkenaan.

Chua berkata, kelewatan itu mungkin berpunca akibat kesilapan teknikal, sama ada di pihak kementerian atau pemohon.

Tahun lalu, Kementerian Kesihatan menubuhkan pusat sehenti untuk mengendalikan semua permohonan rakyat Malaysia dan warga asing yang ingin bertugas sebagai doktor perubatan di negara ini.

Proses permohonan mengambil masa tiga bulan untuk rakyat tempatan dan tiga bulan 15 hari untuk warga asing.

Kementerian pernah menolak permohonan doktor yang tidak mempunyai pengalaman secukupnya atau ijazah doktor berkenaan tidak diiktiraf kerajaan.

(END)